

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3 January 2016

## NAJIB DAN BADAI POLITIK *Um - 3/1/2016*

**T**AHUN 2015 menutup tirainya dengan Perdana Menteri, Najib Tun Razak telah melepasi badai politik yang nyaris membawa kejatuhannya.

Selepas Sidang Kemuncak ASEAN dan Perhimpunan Agung UMNO, *rating* serta kedudukan beliau semakin naik di sebalik gelora yang melanda sebelumnya. UMNO parti yang menerajui kerajaan Barisan Nasional (BN) terus kukuh. Agenda muafakat UMNO-Pas yang Najib komited disambut positif majoriti umat Islam. Tahun 2015 turut menyaksikan syarikat pelaburan strategik 1MDB berjaya menyelesaikan pelan rasionalisasi dalam tempoh enam bulan seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri. Ini berikutan penjualan 60 peratus ekuiti dalam Bandar Malaysia kepada sebuah konsortium tempatan dan antarabangsa dengan mengurangkan hutang sebanyak RM7.4 bilion. Ramai penganalisis menjangkakan beliau juga akan mampu melepasi cabaran isu siasatan kes SRC International dan sumbangan RM2.6 bilion ke akaun peribadi.

Sememangnya 2015 adalah dugaan terbesar Najib dengan beberapa isu panas, yang beliau dapat tangani dengan tenang. Malah Najib



terselamat daripada cubaan menggulingkannya di luar proses demokrasi, melibatkan rangkaian pihak asing dan tokoh-tokoh tempatan sebagaimana terdedah dengan pengakuan Xavier Andre Justo dan beberapa lagi. Sejak awal tahun 2014, musuh-musuh Najib meramalkan beliau akan dapat disingkirkan selewat-lewatnya pertengahan tahun 2015.

Sehebat-hebat manusia merancang, tidak akan mampu mengatasi ketentuan Allah SWT. Dengan apa yang berlaku ternyata Najib membuktikan beliau pemimpin yang berdaya tahan dan lasak. Awang lihat kekuatan Najib adalah kesabaran dan ketabahnya melalui segala liku termasuk difitnah berulang kali. Beliau yang telah enam tahun menjadi Perdana Menteri kini memasuki fasa baharu.

Sebagai pemimpin, Najib tentu tidak mahu mengambil mudah kerana 2016 pasti sangat mencabar biarpun beliau dijangka menerajui negara untuk tempoh lebih lama. Musuh beliau tidak akan berhenti merancang dan bertindak. Malam tadi Najib dijadualkan menunaikan umrah dalam rangka lawatan kerja selama tiga hari ke Arab Saudi. Pasti beliau menzahirkan kesyukuran yang tidak terhingga.